

# Agama Itu Nasihat

## Sifat Penakut Dan Bahayanya

“.....sungguh keji, demi Allah, jika ada di antara kita (umat Islam yang bodoh dengan rupa yang pandai, yang derhaka dengan tanpa yang taat, yang bebal dengan gambaran yang cerdas, yang lemah dengan tingkah laku gagah perkasa, dan yang mati dengan pakaian yang hidup,” – Mustafā al-Ghalāyīnī.

(Oleh: Abdul Kadir bin Awang Kecil)

Sifat penakut itu ialah suatu perangai yang paling rendah, sifat yang paling hina di dunia ini. Kerana ia suatu sifat yang menukarkan hati jantan menjadi betina, suka memutuskan segala cita-cita dan tujuan, dan menimbulkan bimbang dan was was di dalam hati tiap-tiap manusia. Ia juga menghilangkan segala macam kebaikan dan keindahan, membodohkan segenap orang yang berakal dan cerdas pandai, membunuh kecerdasan otak ahli-ahli fikir, melemahkan kekuatan dan menghapuskan sifat-sifat keperwiraan yang mengalir di dalam batang tubuh manusia.

Sifat-sifat penakut itu ialah wabak (wabā') besar yang sangat membahayakan segala orang yang hidup di muka bumi ini, kerana ia menutup matahari kebenaran, memadam semangat yang bernyala-nyala di dalam dada manusia, membutakan mata yang melihat, memekakkan telinga yang mendengar, mengotori fikiran yang jernih, menghentikan gerak jantung kebenaran, mengentarkan jiwa yang kukuh kuat, yang akhirnya membawa jiwa yang suci berpisah jauh dari cahaya Allah, dan menggoncangkan ketabahan hati yang menjadi senjata bagi tiap-tiap orang yang hidup.

Keuntungan yang didapati oleh si penakut, ialah kebinasaan, dan paling rendah ialah menambah kesusahan diri sendiri, kerana seorang penakut dan pengecut itu hatinya selalu ragu-ragu, cepat memilih langkah mundur ke belakang, selalu mematikan kemahuan yang akan maju, dengan alasan mencari “selamat” katanya, tetapi sebenarnya ia akan mendapat “selamat” yang “tidak selamat”, memperoleh bahagia yang tidak berbahagia.

Shaykh Mustafā al-Ghalāyīnī, seorang guru besar di Beirut pernah mengupas sifat takut dan kecut dengan panjang lebar. Antara lain ia menulis: “Aku pernah menyelidik tentang tabiat umat manusia, maka tidaklah aku jumpa suatu perangai daripada beberapa macam perangai yang rendah, yang lebih dekat kepada kehinaan dan lebih hampir kepada kematian di dalam kehidupan, selain daripada takut dan cuak (kecut).

Demikianlah tulisan beliau dalam memulakan huraian tentang sifat bacul atau perangai takut itu, yang selanjutnya di lain halaman beliau menulis: “Sungguh keji, demi Allah, jika ada di antara kita (umat Islam)

yang bodoh dengan rupa yang pandai, yang derhaka dengan tampan yang taat, yang bebal dengan gambaran yang cerdik, yang lemah dengan tingkah laku yang gagah perkasa, dan yang mati dengan pakaian yang hidup”.

Junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* memohon kepada Allah supaya dijauhkan dari sifat takut, sabdanya: “*Allahumma inni ’auzubika min al-jubni wal bukhli*” (Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada sifat takut dan kedekut” dan sabdanya lagi:

“*sharru mā fī al-rajuli shuḥḥu hāli’in wa jubnu khāli’in.*”

(Sekeji-keji apa yang ada pada seorang itu ialah kedekut yang gelisah dan takut yang terlalu). Kerana dari kecut dan takut menghadapi sesuatu yang dirasanya akan menimpa dirinya, seakan-akan tercabutlah nyawanya, dengan ini nyatalah bangsa yang penakut itu ialah bangsa yang mati, kerana telah mati perasaannya dan telah lenyap musnah

semangatnya sebagai orang yang hidup.

Jelaslah bahawa penakut dan pengecut itu, bukan sifat-sifat dan perangai bagi umat yang beriman, pada hal dewasa ini sebahagian umat Islam telah bersifat dengan sifat-sifat yang tidak selayaknya. Adakah mereka sudah suka menerima kalau disebut orang bahawa mereka ialah: “Umat yang tidak beriman kepada Allah, tidak beriman kepada Nabi-Nya dan kitab suci-Nya, juga tidak beriman dengan qadā’ dan qadar?” umat Islam sudah tentu tidak sudi menerima jika dikatakan demikian.

Umat Islam janganlah selalu berbangga-bangga akan menjadi umat yang akan masuk ke syurga Allah kelak, sebelum mereka membuktikan untuk membuka pintu hatinya.

Antara lain harus melempar jauh-jauh sifat penakut!



*Penuntut-penuntut Maktab Perguruan Islam anjuran Persatuan Guru-Guru Agama Kelantan, sedang menikmati*

*jamuan ringan dalam satu perjumpaan ramai baharu-baharu ini.*

jangan masuk syurga Allah kelak di akhirat,  
sedangkan memasuki syurga kemuliaan di dunia sahaja  
tidak akan dapat selama sifat penakut dan pengecut  
masih tertanam ke dalam dada umat Islam.

\* \* \*

Dalam pada itu bukanlah yang dinamakan berani itu seperti  
beraninya singa, harimau, yang kekuatannya  
hanya dipergunakan untuk merosak orang lain,  
merampas dan mematikan hak orang lain,  
pandai berpukulan dan berkelahi semata-mata, bukan! Bukan  
itu dinamakan berani yang sebenarnya.

Berani ialah kuasa keteguhan hati di dalam  
mempertahankan dan membela kebenaran, tidak berkecil  
hati kerana dicela, tidak berhenti langkah sebab  
menghadapi bahaya, tidak terbalik tumit lantaran  
menerjuni medan kematian. Kalau barang keyakinan itu  
benar, harus dibela dan dituntut sampai ke mana-mana  
pun, sekalipun menghadapi rintangan, maju  
juga berlangkah. Sedang kalau barang itu nyata-nyata salah  
dan buruk, tidak malu pula surut kembali kepada  
kebenaran dan meninggalkan keburukan itu.

Setiap orang yang beriman mestilah mempunyai  
sifat berani ini, kerana dialah yang akan menyampaikan  
maksud, dialah yang akan mewujudkan cita-cita, menjadi  
dorongan hikmat yang kuat untuk menuju ketepi  
maksud cita-citanya. Kalau sifat berani itu telah tertanam  
di dalam hati manusia, maka mana yang bujur pasti  
lalu dan yang terlintang patah.

Benarlah kata seorang penyair Arab:

“*Yarā al-jubanā’u al-jubuna hazimi*”

“*Wa tilka khadī’atu al-ṭab’i al-lā’imi*”

“Si penakut itu memandang, bahawa takut  
kebijaksanaan; padahal yang demikian itu tipu daya  
tabiat yang rendah budi”.



**Bacalah! Sudah terbit!**

## Buku-buku Syuhada

Disusun oleh: Edrus

- |     |                                  |        |
|-----|----------------------------------|--------|
| 1.  | Hamzah bin Abdul Muttalib        | 50 sen |
| 2.  | Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam | 50 “   |
| 3.  | Ikrimah bin Abu Jahal            | 50 “   |
| 4.  | Sa’ad bin Rabi’                  | 50 “   |
| 5.  | Sa’ad bin Muaz                   | 50 “   |
| 6.  | Nu’man bin Muqrin                | 50 “   |
| 7.  | Ja’afar bin Abi Talib            | 50 “   |
| 8.  | Anak Abdullah bin Ubayy          | 50 “   |
| 9.  | Anak Angkat Rasulullah           | 50 “   |
| 10. | Abu Huzaifah bin ‘Utbah          | 50 “   |

## Lain-lain Buku Tawarikh

Sejarah ringkas Muhammad (S.A.W) (Oleh Edrus) \$1.20

Bilal – (Oleh Abdullah Basmeh) 1.20

Muhammad (S.A.W) (Oleh Abdullah Basmeh) Empat Penggal

Sepenggal \$1.20

di-terbitan oleh:

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.